

8 RANCANGAN KEWANGAN

Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

- √ Menyatakan maksud rancangan kewangan
 - √ Menerangkan kepentingan rancangan kewangan
 - √ Menyenaikan maklumat-maklumat utama rancangan kewangan
 - √ Membuat pengiraan susut nilai mengikut garis lurus
-

8.1 PENGERTIAN RANCANGAN KEWANGAN

Rancangan kewangan juga merupakan antara intipati rancangan perniagaan. Ini kerana rancangan kewangan menggabungkan kesemua keperluan kewangan di dalam setiap rancangan (organisasi, pengeluaran dan pemasaran) dan menterjemahkan keperluan kewangan tersebut ke dalam bentuk kewangan.

Rancangan kewangan adalah bahagian iaitu usahawan menghuraikan secara terperinci keperluan kewangan, sumber kewangan serta ramalan pendapatan dan keuntungan perniagaan yang bakal dijalankannya.

8.2 KEPENTINGAN RANCANGAN KEWANGAN

Rancangan kewangan perlu diberikan perhatian kerana di bahagian inilah penilaian dibuat untuk mengukur potensi kejayaan sesebuah perniagaan. Rancangan kewangan yang disediakan dengan baik membolehkan perkara-perkara berikut dapat dilakukan:

- Membantu usahawan dalam membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang disokong oleh fakta dan analisis.
- Membantu usahawan dalam mengawal kos dan perbelanjaan perniagaan.
- Menganalisis kedudukan kewangan perniagaan sepanjang perniagaan dijalankan.

8.3 MAKLUMAT UTAMA RANCANGAN KEWANGAN

Secara ringkasnya, rancangan kewangan memberikan maklumat tentang anggaran jumlah dan jangkaan waktu pendapatan diterima, perbelanjaan yang perlu dibuat dan aset perniagaan usahawan pada masa akan datang. Maklumat-maklumat utama rancangan kewangan ialah:

1. Kos pelaksanaan perniagaan
2. Sumber pembiayaan
3. Maklumat pembiayaan
4. Maklumat belanja susut nilai aset tetap
5. Jangkaan pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai
6. Penyata kewangan ramalan pendapatan
7. Analisis kewangan